



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**LKTN SASAR 300 HEKTAR TANAH BAGI PENANAMAN BIJI BENIH
KENAF DI PERLIS PADA TAHUN 2023**

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching menyaksikan sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) di Pusat Pemprosesan Biji Benih Kenaf, Beseri, Perlis hari ini. YB Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching telah hadir mewakili Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

MoU ini bertujuan mengukuhkan kerjasama dalam program pembangunan industri kenaf melalui gerakan koperasi di Malaysia. Inisiatif ini dilakukan untuk menggalakkan penglibatan syarikat swasta yang berminat membuat pelaburan baharu dalam industri kenaf bagi mengurangkan kebergantungan terhadap insentif kerajaan untuk menjana pasaran yang lebih kompetitif dalam pelbagai segmen industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

Pada tahun 2023, negeri Perlis telah menyasarkan penanaman kenaf bagi pengeluaran biji benih kenaf seluas 300 hektar melibatkan 150 orang peserta. Selaras dengan transformasi pekebun kecil sektor kenaf, LKTN memperkenalkan konsep pengeluaran berasaskan produktiviti kepada pekebun kecil, koperasi dan syarikat swasta.

Pusat Pemprosesan Biji Benih Kenaf di Beseri berfungsi sebagai hab pengeluaran biji benih kenaf berkualiti bagi menjamin kemampunan bekalan benih kepada industri dengan kemampuan memproses biji benih melebihi 100 metrik tan.

Sebelum itu, rombongan Trek Komoditi Zon Utara KPK telah melawat Pusat Industri Kenaf di Batu Bertangkup, Chuping. Pusat ini telah dibangunkan pada tahun 2016, bertujuan meningkatkan nilai tambah dalam rantai pengeluaran kenaf seterusnya menjana rezeki dan peluang pekerjaan kepada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan pekebun kecil tempatan.

Berkonsepskan pembangunan secara menyeluruh di sepanjang rantai nilai sehingga ke pemasaran (*seeds to market*), pusat ini turut menjadi pemangkin ekonomi di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Negeri Perlis merupakan salah sebuah negeri yang sesuai untuk penanaman kenaf bagi pengeluaran biji benih berdasarkan struktur agroekologinya. Aktiviti penanaman kenaf dilaksanakan secara berjadual pada bulan September dan Oktober sementara proses penuaian pula bermula pada bulan Januari hingga Mac setiap tahun.

Kementerian melalui LKTN komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi bertujuan memperkasa industri kenaf negara agar terus berdaya saing bagi menjana pendapatan serta memberi manfaat kepada rakyat selain menyokong komitmen negara dalam agenda kemampanan global.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
12 JUN 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perlindungan dan Komoditi



mykomoditi

